

Dr Sheikh Muszaphar buat persiapan pulang

B.H m/s 2 19.10.07

Soyuz TMA-10 bawa angkasawan pertama negara mendarat Ahad



KUALA LUMPUR: Angkasawan pertama negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha kini sibuk membuat persiapan untuk pulang ke bumi Ahad ini.

Beliau akan pulang bersama angkasawan Fyodor Yurchikhin dan Oleg Kotov menggunakan kapsul Soyuz TMA-10 yang digunakan oleh Yurchikhin dan Kotov ketika ekspedisi ke-15 ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) April lalu.


Pengarah Program Angkasawan Negara, Kolonel Dr Zulkeffeli Mat Jusoh, berkata kapsul yang membawa mereka bertiga itu dijangka mendarat di kawasan Arklyk di Kazakhstan, 1,500km dari Moscow, Russia.

Pada masa sama, Dr Sheikh Muszaphar perlu mengekalkan berat badan pada kadar 82 kilogram, seperti sebelum beliau berlepas ke ISS 10 Oktober lalu.

“Jika ketika berada di ISS berat badannya didapati meningkat melebihi 82 kilogram, dia (Dr Sheikh Muszaphar) dikehendaki menurunkan berat itu dengan melakukan senaman di bilik disediakan khas di ISS. Ia bagi memastikan kapsul Soyuz diakhirnya bersama dua angkasawan lain nanti seimbang,” katanya ketika dihubungi di Moscow.

Dr Zulkeffeli berkata, beliau akan berlepas ke Qostanay, Kazakhstan, tidak jauh dari tempat kapsul itu mendarat nanti untuk membawa angkasawan Malaysia itu ke Moscow.

“Saya perlu berada di sana untuk memeriksa kesihatan Dr Sheikh Muszaphar. Dia akan dibawa ke pusat perubatan sementara sebelum ber-



HASIL DINANTI: Dr Sheikh Muszaphar meletakkan kotak ketiga kajian sel di belakang panel kawalan untuk disimpan pada suhu paling optimum di ISS, semalam.

“**Saya perlu berada di sana untuk memeriksa kesihatan Dr Sheikh Muszaphar. Dia akan dibawa ke pusat perubatan sementara...**”

**Kolonel Dr Zulkeffeli
Mat Jusoh**

Pengarah Program Angkasawan Negara

edar ke lapangan terbang terdekat untuk pergi ke pusat latihan angkasawan Star City, Moscow,” katanya.

Soyuz TMA-10 yang membawa angkasawan Malaysia itu dijangka mendarat pada jam 2.37 petang waktu Moscow (6.37 petang waktu Malaysia). Tempoh untuk membawa angkasawan Malaysia itu ke Moscow mengambil masa lapan jam daripada waktu Soyuz TMA-10 mendarat.

Katanya, antara persiapan pulang yang dilakukan Dr Sheikh Muszaphar, termasuk memindahkan kerusi khasnya ke dalam kapsul Soyuz serta melakukan penyenggaraan peralatan yang bakal dibawa nanti.

Angkasawan Malaysia itu dibenarkan membawa peralatan seberat tujuh kilogram saja termasuk hasil penyelidikan dan barang persendirian.

“Sepatutnya dia dibenarkan membawa lima kilogram saja, tetapi selepas berbincang dengan Agensi Angkasa Lepas Eropah (ESA), kita diberikan tambahan dua kilogram lagi,” katanya.

Dr Sheikh Muszaphar turut menjalankan penyelidikan untuk ESA dalam bidang penyelidikan kesan mikro graviti terhadap bahagian belakang badan, persepsi pergerakan, daya ketahanan sebelum dan selepas penerbangan ke ISS serta kestabilan penglihatan dan badan. - Bernama